

Jemaah boleh berada di Mina ikut syarat hanya sesaat bagi elak sesak

Banyak pilihan mabit di Mina



Seruan
Baitullah

Bersama
MOHD. TURMADZI
MADUN

MEKAH – Penempatan jemaah untuk bermabit di Mina boleh dipelbagaikan dengan beberapa pilihan selagi masih memenuhi hukum wajib haji itu, sebagai langkah menangani isu ruang sempit dalam khemah di lapangan masyair berkenaan.

Bekas Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (Tabung Haji (TH) - Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), Datuk Murshid Diraja Dr. Juanda Jaya berkata, antara cadangan untuk membantu mengatasi permasalahan sekian lama itu ialah jemaah ditempatkan di kawasan Mina-Muzdalifah atau dikenali sebagai Mina Dua.

“Menerusi pilihan ini, jemaah haji boleh berulang alik antara Mina dengan Mina Dua bagi memastikan keselesaan mereka.

“Hukumnya adalah harus kerana yang penting, jemaah mesti berada di bumi Mina selepas waktu separuh malam walaupun hanya sesaat. Ibadah mabit dikira sebagai sah, dan jemaah boleh keluar semula dari Mina selepas itu. Malah, melintas saja pun sudah sah ibadah mabit di Mina.

“Khemah juga boleh diwujudkan di kawasan Muzdalifah yang lebih luas. Bagaimanapun, perkara ini memerlukan persetujuan



JEMAAH haji terpaksa bersesak dalam khemah yang sempit ketika di Mina hingga mengundang rasa kurang selesa baru-baru ini.

Saudi sebagai tuan rumah,” katanya ketika dihubungi.

Sebagai rekod, Juanda merupakan Ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (TH-Jakim) dari 2000 hingga 2009, selain berpengalaman sebagai guru agama serta Pakar Rujuk Ibadah Haji TH di Tanah Suci (1997-2009) dan merupakan Pengerusi panel penulis buku Panduan Ibadat Haji terbitan TH untuk jemaah haji Malaysia.

Media sebelum ini melaporkan, isu ruang sempit dalam khemah di Mina mendapat perhatian Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah yang menzahirkan keprihatinan baginda terhadap

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar, dipetik berkata, beliau menerima teks pesanan secara peribadi daripada Seri Paduka yang mahu perkara itu diteliti dan ditangani.

Justeru, Mohd Na'im berkata, beliau telah berbincang dengan pihak pengurusan tertinggi TH supaya Jawatankuasa Penasihat Ibadah Haji (TH-Jakim) memikirkan ijtihad baharu dalam usaha mengatasi isu berkenaan, terutama dari aspek bermabit di Mina.

Beliau berkata, langkah itu perlu kerana sekiranya masih berpegang kepada ijtihad lama, masalah kesesakan dalam khemah di Mina yang berlaku saban

peningkatan jumlah jemaah haji, akan berterusan berikutan keluasan kawasan terbabit tidak berubah dan ditetapkan oleh hukum.

Mengulas lanjut, Juanda yang juga bekas Mufti Perlis berkata, satu lagi alternatif yang boleh diterokai dalam menangani isu sama ialah menempatkan sebahagian jemaah Malaysia di Aziziyah.

“Bagi pilihan ini, penginapan kumpulan jemaah yang lewat memasuki Mekah berkemungkinan boleh ditempatkan di Aziziyah yang lebih selesa. Walaupun jauh dari Masjidil Haram, mereka akan lebih selesa untuk ke Mina, Muzdalifah serta Arafah